



Mahasiswa In-Smartive bantu pelajar minat Matematik

Berita oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Foto oleh : EZWAN SHAH MOHD NORDIN DAN SITI SHAFEERA KAMAL AZMAN SHAH



Seramai 87 orang murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Kampung Dato' Ibrahim Majid (SKDIM) Simpang Renggam Johor menghabiskan masa hujung minggu mereka bersama mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam Projek Kilauan Mutiara kelolaan Kelab In-Smartive UMP pada 15 Februari 2014 yang lalu.

Semua murid tersebut, yang akan menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada September nanti telah mengikuti pelbagai modul interaktif sepanjang projek ini, yang turut dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SKDIM dan dikendalikan oleh 40 fasilitator mahasiswa daripada Kelab In-Smartive UMP.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswa tahun tiga Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Muhammad Danial Azman, 22, fokus utama modul-modul yang digunakan ialah pembinaan keyakinan diri, semangat kerja berpasukan, keluhuran sikap dan lonjakan prestasi akademik dalam kalangan peserta.

Menurut Danial lagi, antara modul baharu yang diperkenalkan dalam siri projek kali ini ialah 'Exploremath' yang memberi tumpuan kepada pengembangan minat terhadap subjek Matematik.

Dua orang peserta yang ditemui, Iskandar

Zulkarnain Jofri dan Nur Hidayah Suhaimi, kedua-duanya 12 tahun menyatakan kegembiraan mereka kerana berpeluang mengikuti pelbagai modul menarik sepanjang projek ini berlangsung.

Bagi Iskandar yang turut terpilih sebagai Peserta Lelaki Terbaik, keupayaan kosa kata Bahasa Inggerisnya teruji melalui modul 'Chopp!!!' dan melalui modul 'The Burj', kepintarannya dan peserta lain diuji untuk mencari penyelesaian saintifik yang praktikal terhadap tugas yang diberikan oleh fasilitator.

Manakala Nur Hidayah yang turut diumumkan sebagai Peserta Perempuan Terbaik pula meminati modul 'Last Man Standing' yang menguji kemahiran pengucapan awam peserta dan 'Pulau Impian' yang mendedahkannya kepada kepentingan perancangan akademik dan kerjaya untuk kecemerlangan masa hadapan.

Sementara itu, para ibu bapa dan penjaga pula berpeluang mengikuti perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai 'Prestasi Akademik: Peranan Ibu Bapa' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) UMP, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin pada hari terakhir program ini.

Hadir menyempurnakan perasmian penutup projek dan menyampaikan sijil

kepada peserta ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor bagi kawasan Machap, Abd Taib Abu Bakar.

Turut hadir ialah Guru Besar SKDIM, Hajah Rogayah Abdullah, Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad.

